

# **KLASIFIKASI REALITI DALAM SYAIR MENURUT MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL**

**(CLASSIFICATION OF REALITY IN POETRY  
ACCORDING TO TRADITIONAL MALAY SOCIETY)**

**Rahimah Hamdan  
Arba'ie Sujud**  
Jabatan Bahasa Melayu  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

**Email:** rahimahh@upm.edu.my  
arbaie@upm.edu.my

*(Dihantar: 7 Oktober 2021; Diterima: 22 Disember 2021)*

## **Abstrak**

Perspektif realiti masyarakat Melayu tradisional sering disalahtafsir oleh sarjana kolonial sehingga dianggap penyebab utama kepada kemunduran masyarakat meliputi fizikal, mental dan spiritual. Walau bagaimanapun, kajian-kajian oleh para sarjana lain yang mengutarakan kajian secara komprehensif menolak pendapat para sarjana kolonial tersebut dengan justifikasi yang relevan. Ini membawa kepada persoalan bahawa apakah pemahaman masyarakat Melayu terhadap 'realiti' yang mempengaruhi kepengarangan mereka? Justeru, dua objektif kajian iaitu menjelaskan perspektif 'realiti' dalam kepengarangan masyarakat Melayu tradisional dan merumuskan klasifikasi syair yang berteraskan realiti menurut para sarjana terhadap isu ini. Kajian ini menggunakan kaedah '*close reading*' terhadap beberapa pendapat sarjana terhadap definisi dan klasifikasi 'realiti' yang dianalisis secara rinci. Metodologi kajian bagi menyelesaikan objektif akan disempurnakan oleh beberapa aktiviti. Misalnya bagi menyelesaikan objektif pertama, aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah mengenalpasti perspektif sarjana mengenai 'realiti' dan menjelaskan hubungan realiti dengan kepengarangan Melayu. Kemudian, aktiviti yang dilakukan untuk menyelesaikan objektif dua adalah mengklasifikasi semula syair berasaskan realiti mengikut tema tertentu serta membandingkan klasifikasi syair itu berteraskan kepada konsep 'kesedaran diri sastera' (*literary self-awareness*) yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Dapatkan kajian membuktikan bahawa klasifikasi syair berasaskan realiti kehidupan masyarakat yang diketengahkan oleh para sarjana terdahulu perlulah menepati beberapa kriteria yang dicadangkan agar satu klasifikasi yang telus dapat diperolehi dengan memanfaatkan peristiwa atau pengalaman yang

dialami oleh raja, pemerintah atau kolonial dan rakyat. Ini merelavangkan syair sebagai genre yang sentiasa 'evergreen' dijadikan bahan kajian kerana keupayaannya melibatkan semua golongan masyarakat dengan pembahagian tema yang lebih jelas dan telus. Sesungguhnya, 'kesedaran diri sastera' telah berjaya melonggarkan ikatan '*raja centered*' dalam syair-syair sehingga individu 'bukan raja' turut dijadikan fokus utama syair. Secara tidak langsung, membuktikan bahawa perspektif realiti masyarakat Melayu dapat dijelaskan secara tepat dan menyeluruh oleh genre syair.

**Kata kunci:** Realiti, Syair, Kesedaran Diri Sastera, Melayu, Tradisional

### Abstract

The perspective of reality in traditional Malay society is often misinterpreted by colonial scholars. Indeed, it is considered the main cause of the backwardness of its physical, mental, and spiritual of society. However, studies by other scholars who have presented the study comprehensively reject the opinions of such colonial scholars with relevant justification. This leads to the question of what is the Malay community's understanding of the "reality" that influences their authorship? Thus, the two objectives of the study are to explain the perspective of 'reality' in the authorship of the traditional Malay community and to formulate a classification of poetry based on reality according to renowned scholars in Malay literature. This study uses the method of "close reading" to analyse some scholars' opinions on the definition and classification of "reality," which is analysed in detail. The research methodology for solving the objectives will be completed by several activities. For example, to solve the first objective, the activities carried out are to identify the scholar's perspective on 'reality' and explain the relationship between reality and Malay authorship. Then, the activities to solve the second objective are to reclassify the poem based on reality according to a specific theme and to compare the classification of the poem based on the concept of 'literary self-awareness' (*kesedaran diri sastera*) which involves all levels of society. The findings of the study prove that the classification of poetry based on the reality of community life presented by previous scholars must meet some criteria proposed. As a result, a transparent classification can be obtained by utilising events or experiences of the rulers, colonials, and the community. Therefore, poetry will always be accepted as an 'evergreen' material for further research because of its ability to involve all levels of society with a clearer and transparent division of themes. Consequently, 'literary self-awareness' has succeeded in loosening the bond of 'raja centred' in poems. Indirectly, it proves that the perspective of the reality of the Malay community can be explained accurately and comprehensively by the genre of poetry.

**Keywords:** Reality, Syair, Literary Self-Awareness, Malay, Traditional

## 1.0 PENDAHULUAN

Persepsi masyarakat Melayu tradisional terhadap ‘realiti’ amat dipengaruhi oleh *world view* dan etos hasil sintesis dan asimilasi pemikiran dengan pelbagai agama dan kepercayaan yang dianuti sejak turun-temurun (Al-Attas, 1972; Johns, 1979; Muhammad Yusoff Hashim, 1988; Siti Hawa Hj. Salleh, 2009). Johns (1979: 46) berpendapat bahawa, “[...] *it is possible to distinguish three principle world shape in writings in Malay, themselves subject to further refinement. These are: an ethnic Malay shape, an Indo-Persian shape and an Arabo-Islamic shape*”. Bermula dengan anutan kepercayaan animisme, masyarakat Melayu tradisional mempercayai bahawa setiap fenomena dan unsur alam ini dikawal oleh satu entiti supernatural agar keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dicapai. Maka masyarakat mula menyembah ‘kuasa’ yang dikenali sebagai ‘penunggu’, ‘mana’, ‘semangat’ dan pelbagai gelaran yang dipercayai menghuni serta menjaga alam sekeliling mereka. Kedatangan Hinduisme tambah memperkuatkan kepercayaan animisme yang sedia ada kerana keselarian fahaman antara keduanya apatah lagi gelaran ‘Dewa’ menyempurnakan pencarian masyarakat Melayu terhadap konsep ‘Tuhan’ dalam agama (Muhammad Yusoff Hashim, 1988; Siti Hawa Hj. Salleh, 2009).

Islam kemudiannya diperkenalkan di Alam Melayu sehingga mencapai perkembangan pesat abad ke-16 dan 17 Masihi memperjuangkan konsep ‘Tauhid’ bagi menggantikan konsep politeisme Hinduisme (kepercayaan kepada banyak Tuhan) yang dianuti oleh masyarakat Melayu tradisional. *Status quo raja-raja Melayu* diperkuatkan daripada konsep ‘dewaraja’ iaitu raja berhubungan dengan kekudusan susur-galur yang ‘suci’ kepada pengenalan konsep ‘Khalifah Allah swt’ sehingga membina serta memperkuuh daulat, tulah dan derhaka dalam *world view*

masyarakat. Kemuncak perubahan *world view* Melayu adalah menerusi proses kolonialisasi Eropah yang memperkenalkan beberapa konsep ‘sekular’ selaras dengan misi penjajahan mereka di rantau ini yang secara tidak langsung turut mempengaruhi *world view* Melayu (Al-Attas, 1993: xvii).

Rentetan daripada inilah, konsep ‘realiti’ masyarakat Melayu tradisional mengalami perkembangan yang dinamik kesan oleh perubahan kepercayaan dan pemikiran yang dianuti sehingga ditampilkan dalam karya-karya sama ada berbentuk naratif atau non-naratif. Bermula dengan kepercayaan kepada unsur magis dan supernatural yang dianggap sebagai ‘realiti’ dan ‘benar’ dalam pemikiran masyarakat inilah yang digembleng dengan padu oleh para pengarang Melayu untuk mengisi ruang ‘vakum’ dalam penulisan historiografi, hikayat, cerita lipur lara dan beberapa genre yang memerlukan suatu cara komprehensif untuk mengangkat dan mengabsahkan raja. Maka, unsur kelahiran raja menerusi buluh betung, titah raja yang tidak boleh diingkari, kuasa psikik sehingga boleh membelah buluh sehingga hal kepada pembentukan konsep daulat, tulah dan derhaka merupakan antara contoh yang dipaparkan dalam karya historiografi Melayu seperti *magnum opus Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Nyata peristiwa-peristiwa ini dianggap satu ‘realiti’ yang dianggap ‘benar’ oleh masyarakat. Secara tidak langsung fenomena ini menguatkan status raja sebagai ‘penaung keharmonian rakyat dan negarakota’ yang sentiasa dipatuhi oleh masyarakat Melayu tradisional.

## 2.0 SOROTAN KAJIAN

Pengertian umum ‘realiti’ adalah satu keadaan, kenyataan ataupun hakikat yang benar-benar terjadi dan nyata (Yacobi, 2013). ‘Realiti’ juga mewakili keadaan ‘sesuatu’ sama ada objek, persepsi, perlakuan yang sebenarnya wujud secara nyata dan bukan khayalan (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2018). Manakala, ‘realistik’ berasal daripada bahasa Latin ‘*realis*’ yang didefinisikan oleh Bloch et.al (1977) sebagai sesuatu yang nyata dan dapat dinikmati oleh pancaindera lima secara objektif. Manakala *The Oxford English Dictionary* (1989: 276) mendefinisikannya ‘realiti’ sebagai, ‘*The quality of being real or having an actual existence; a real things, fact or state of things*’. Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu tradisional menganggap semua unsur yang dianggap sebagai mitos, tahlul, khurafat dan fiksyen ini adalah sesuatu yang ‘realiti’, ‘benar’ dan perlu diyakini kewujudannya (Siti Hawa Hj. Salleh, 2009). Rentetan daripada inilah maka konsep ‘realiti’ dan ‘sejarah’ dalam masyarakat Melayu tradisional dipersoalkan kesahihan dan kebenarannya oleh para sarjana Barat sehingga tohmahan seperti, ‘*men wildly ignorant*’, ‘*no historic value*’, ‘*extravagant fairy-tales*’ dan pelbagai perspektif yang diukur menurut keobjektifan pemikiran mereka (Crawfurd, 1820; Wilkinson, 1907; Winstedt, 1940; Roolvink, 1954; Josselin de Jong, 1964; Hooykaas, 1965 dan beberapa yang lain).

Kontradiknya, terdapat golongan sarjana yang merasionalkan kehadiran unsur tersebut sebagai hasil cerminan ‘realiti sosial’, pemikiran dan *worldview* peribumi Melayu seperti Bottoms (1962), Ras (1968), Mohd.Taib Osman (1968), Resink (1968), Teeuw dan Wyatt (1970), Ismail Hussein (1974), Watson (1978), Kratz (1981) dan Sweeney (1983). Misalnya Bottoms (1962) berpendapat bahawa peribumi Melayu pada zaman tradisional tidak dapat membezakan antara realiti atau mitos serta


sejarah atau bukan sejarah mengikut pemahaman masyarakat kini sehingga mencampur-adukkannya dan akhirnya menukar karya tersebut kepada sebuah karya seni. Ini adalah kerana ‘kesempurnaan, ketepatan fakta dan karangan yang teratur’ bukanlah satu perkara utama dalam kepengarangan mereka sebaliknya pemerian mengenai legenda, fantasi dan gossip lebih diutamakan (Bottoms, 1962; Ismail Hussein, 1974; Watson, 1978). Oleh itu, karya-karya peribumi Melayu yang dikenal pasti mengandungi elemen sejarah (walaupun sedikit) tetap digunakan oleh sebilangan sarjana Barat seperti Maxwell (1878: 179) dalam menyusun sejarah negeri-negeri Melayu. Menurut beliau, sekurang-kurangnya pemerian pengarang tempatan ini dapat melengkapkan dokumen yang dikumpul oleh pihak kolonial British mengenai tanah jajahan (Maxwell, 1878). Sweeney (1980: viii) juga adalah antara sarjana yang rasional dalam memperjelaskan kehadiran elemen mitos yang merelevankan ‘realiti’ dalam karya historiografi Melayu. Menurut beliau, tradisi lisan masih lagi utuh dalam masyarakat Melayu walau tradisi tulisan dan percetakan telah berkembang pesat. Secara langsung memberi makna bahawa unsur mitos dan legenda masih terus dibenarkan dalam konvensi persuratan Melayu. Apatah lagi elemen-elemen mitos dimasukkan oleh pengarang berteraskan tujuan tertentu terutama untuk memperbesar dan mengabsahkan kedudukan raja sebagai pemerintah yang berdaulat sebagaimana yang terdapat dalam karya historiografi *Misa Melayu* (Maxwell, 1878: 184).

Rentetan daripada kontradik pandangan para sarjana itu, maka makalah ini akan membincangkan klasifikasi realiti menurut masyarakat Melayu tradisional sebagaimana yang terakam dalam genre syair. Justifikasi pemilihan syair adalah disebabkan genre ini merupakan bukti keintelektualan Melayu yang masih terus dikaji

secara saintifik dan ‘evergreen’ sehingga ke hari ini berbanding genre-genre lain dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional (Matheson dan Andaya 1982; Matheson 1987). Ini membawa kepada objektif kajian iaitu menjelaskan perspektif ‘realiti’ dalam kepengarangan masyarakat Melayu tradisional dan merumuskan klasifikasi syair yang berteraskan realiti menurut para sarjana terhadap isu ini.

### **3.0 METODOLOGI**

Penyelidikan ini membincangkan mengenai aktiviti-aktiviti bagi menyelesaikan kedua-dua objektif kajian. Kaedah yang digunakan adalah secara ‘*close reading*’ terhadap beberapa pendapat sarjana mengenai ‘realiti’ yang akan dianalisis secara mendalam. Untuk menyelesaikan objektif pertama, iaitu menjelaskan perspektif ‘realiti’ dalam kepengarangan masyarakat Melayu tradisional, aktiviti yang dijalankan adalah mengenalpasti perspektif sarjana mengenai ‘realiti’ dan menjelaskan hubungan realiti dengan kepengarangan Melayu. Kemudian, aktiviti yang dilakukan untuk menyelesaikan objektif dua iaitu merumuskan klasifikasi syair yang berteraskan realiti menurut para sarjana adalah mengklasifikasi semula syair berasaskan realiti mengikut tema tertentu serta membandingkan klasifikasi syair itu berteraskan kepada konsep ‘kesedaran diri sastera’ (*literary self-awareness*) yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat dan tiada lagi berpusat kepada raja (*raja centered*). Rajah 1 di bawah menerangkan carta alir penyelidikan ini iaitu:



Rajah 1: Carta alir penyelidikan

#### 4.0 ANALISIS

Ketidakfahaman terhadap *worldview* dan etos yang membentuk pemikiran Melayu menyebabkan kebanyakan sarjana Barat mengutarakan kritikan keras kepada peribumi Melayu sehingga dianalogikan sebagai masyarakat yang rendah ketamadunannya, hasil karya yang membosankan, mengelirukan dan penceritaan sejarah yang diragui kebenarannya. Ketidakseimbangan dan ketidakadilan pendapat mereka terhadap realiti dalam karya sastera Melayu adalah disebabkan oleh ketidakupayaan mereka memahami bentuk pemikiran peribumi yang ternyata jauh berbeza dengan konsep pensejarahan Barat (Johns, 1979; Sweeney, 1987). Sesuatu yang menarik mengenai konsep kepengarangan Melayu yang turut mempengaruhi perspektif realiti pemikiran masyarakat telah diketengahkan oleh Braginsky (1993; 2004). Beliau memperkenalkan istilah 'kesedaran diri sastera' (*literary self-*

awareness) yang merupakan satu konsep mengenai proses kreativiti dan kepengarangan pengarang Melayu yang komprehensif dan jelas berhubungan dengan tujuan, format dan fungsi penghasilan karya kesusasteraan. Beliau menjelaskan ‘kesedaran diri sastera’ ini bertitik-tolak daripada tanggungjawab pengarang kepada diri, karya dan khalayaknya yang perlu dipikul sebijaksana mungkin dan eksklusif muncul pada zaman kegemilangan Islam di Alam Melayu iaitu pada abad ke 16 hingga 17 Masihi. ‘Kesedaran diri sastera’ ini turut ‘mencairkan keterikatan pengarang kepada autoriti raja’ sebagai penaung kerja penulisan sebagaimana yang diwarisi daripada zaman Hinduisme berteraskan kepada fungsi dan tujuan penghasilan karya serta motivasi penyebaran ilmu sebagaimana yang ditekankan dalam Islam (Braginsky, 1993; 2004).

Sumbangan Islam yang paling ketara dalam konvensi persuratan Melayu adalah perkembangan intelektualisme sehingga menggalakkan kepengarangan sistem tulisan dan bahasa Melayu, merevolusikan pandangan hidup dan dasar kebudayaan masyarakat Melayu, mengubah daripada pandangan estetika kepada saintifik, memalingkan pandangan mitos yang khayal kepada ‘realiti’ kehidupan berteraskan kepada akal dan budi yang teratur (Al-Attas, 1972: 19). Hasilnya pada abad kegemilangan tradisi Islam tersebut (bermula abad ke-16 Masihi), tertulislah banyak manuskrip-manuskrip Melayu yang bukan sahaja dalam bidang sufi dan sastera kitab tetapi meliputi genre yang lain seperti hikayat, epik, panji, historiografi, perundangan dan beberapa yang lain dalam bentuk prosa dan puisi. Braginsky (1993; 2004) seterusnya menghubungkan ‘realiti’ dengan kesedaran diri sastera (*literary self-awareness*) dalam proses kreatif pengarang ini kepada dua persepsi utama iaitu; (i) persepsi inspirasi (*receptive phase*); dan (ii) penghasilkan karya sastera (*agentive*

*phase).* Meneliti aspek persepsi inspirasi (*receptive phase*), fokus utama adalah proses kehambaan pengarang kepada Pencipta dalam proses awal mendapatkan inspirasi sama ada untuk menghasilkan karya berunsur agama, sastera, sejarah dan budaya (Al-Attas, 1972; Braginsky, 1993). Konsep kehambaan inilah yang menyebabkan para pengarang menyedari hakikat fungsi dan tujuan kepengarangan mereka yang tidak dapat dipisahkan daripada keredhaan Pencipta. Maka setiap yang dikarang perlu berteraskan kepada realiti ‘kehambaan’ bersandarkan tanggungjawab jitu terhadap setiap karya yang dihasilkan. Braginsky (1993: 33) menerangkan konsep ‘realiti’ yang dipegang oleh pengarang Melayu sebagai manifestasi hubungan dengan Allah swt bermula dengan proses permulaan berkarya (kreativiti) sehingga karya selesai untuk dihidangkan kepada khalayaknya. Realiti kehambaan inilah yang menyebabkan pengarang Melayu mengarang dengan hala tuju tertentu ke arah menghasilkan karya yang boleh membimbing khalayak mengingati Penciptanya (Braginsky 1993; 2004). Menerusi ‘*receptive and agentive phase*’ ini, tujuan dan fungsi pengkaryaannya perlu mematuhi dua aspek penting iaitu luaran (zahir) dan dalaman (batin). Luaran (zahir) bermakna karangan tersebut perlu ada aturannya dengan kata, bunyi dan lafaz yang dinikmati oleh deria luaran (pancaindera) dan dalaman (batin) meliputi erti, isi dan makna yang dinikmati oleh ‘deria dalaman’ (*inner senses*) (Braginsky 1993: 36). Menerusi dua hakikat hubungan kesedaran diri sastera (*literary-self awareness*) ini, hubungan antara pengarang dengan Pencipta (yang menyalurkan ilham pengkaryaannya) dan pengarang dengan khalayaknya (yang menerima manfaat daripada karya) sentiasa berkesinambungan secara harmoni. Secara langsung menghasilkan ‘sistem’ dalam kesusasteraan Melayu yang dikenali sebagai ‘Sfera Fungsional’ berteraskan kepada ‘kesedaran diri sastera’ tersebut. Sistem ini terbahagi kepada tiga sfera yang diatur berteraskan prinsip Islam sehingga

menghasilkan Sfera Keindahan, Sfera Faedah dan Sfera Kesempurnaan Rohani yang mampu memenuhi persepsi hati, akal dan *qalbu* (rohani). Sistem hierarki dalam kesusasteraan ini yang tujuannya untuk mengharmonikan jiwa individu meletakkan setiap sfera atau lingkungan saling melengkapi antara satu sama lain (Braginsky, 1993; 2004).

Hasilnya klasifikasi karya dalam Sistem Kesusasteraan Melayu Klasik oleh Braginsky (1993; 2004) berjaya menerbitkan konsep tertentu berhubung peranan dan sumbangan utama Islam terhadap kesusasteraan Melayu. Konsep ‘kesedaran diri sastera’ (*literary self-awareness*) dihasilkan berteraskan kerangka Tauhid yang mengubah tanggungjawab pengarang agar lebih jelas terhadap tujuan dan fungsi penghasilan karya selaras dengan pendapat Braginsky (1993: 1) mengenai zaman kegemilangan ilmu di Alam Melayu yang melihat, '[...] *the Universe as a book, a work of literature*'. Jelaslah bahawa masyarakat Melayu menerusi hasil kesusasteraannya telah mencapai kemuncak perkembangan dan ketamadunan ilmu sehingga mempengaruhi perspektif ‘realiti’ yang nyata sudah mencapai kematangannya sebelum kedatangan kolonial Barat.

Perspektif ‘realiti’ bagi masyarakat Melayu amat dipengaruhi oleh proses sintesis antara pengaruh dan kepercayaan yang disaring agar sentiasa selari dengan kefahaman ‘Tauhid’ kepada Allah yang Esa dan potensi intelek manusia (*Al-Haiwan Al-Natiq*). ‘Kesedaran diri sastera’ (*literary self-awareness*) muncul sebagai bukti berlakunya interaksi antara proses kreatif pengarang dengan Penciptanya sehingga membentuk konsep ‘realiti’ yang mempengaruhi pengarang dalam karya (Braginsky, 1993: 99). Meneliti Sfera Fungsional oleh V.I.Braginsky (1993; 2004) mendapati

bahawa syair adalah satu-satunya bentuk puisi dalam sastera bertulis yang sangat unik kerana kemampuannya untuk menembusi ketiga-tiga ruang sfera fungsional ini iaitu sfera keindahan, sfera faedah dan sfera kesempurnaan rohani. Ini dapat dijelaskan menerusi tiga penggolongan syair oleh beliau seperti syair romantik (sfera keindahan), syair sejarah atau historiografi (sfera faedah) dan syair alegori (sfera kesempurnaan rohani) (Braginsky, 2004: 503). Walau bagaimanapun, Braginsky (2004: 339, 503), berpendapat bahawa 'syair' dalam korpus Kesusasteraan Melayu Tradisional lebih sesuai dengan kedudukannya di bawah sfera faedah. Ini adalah kerana syair sejarah merupakan wadah yang digunakan oleh pengarang menggunakan daya inteleknya (akal) untuk merakamkan peristiwa-peristiwa penting dan istimewa dalam episod pemerintahan seseorang raja atau kerajaan yang wajar direkod agar dapat terus diingati oleh generasi akan datang. Pengarang berbekalkan 'kesedaran diri sastera'nya memilih dengan cermat dan teliti peristiwa-peristiwa yang dapat meninggalkan kesan kepada khalayaknya secara harmoni setelah mendapat keredhaan Allah swt atas usaha kepengarangannya (Braginsky, 2004: 344).

Menurut Muhammad Yusoff Hashim (1988: 44), penulisan sejarah dalam bentuk 'syair' dijadikan 'medium' oleh masyarakat Melayu tradisional untuk merakamkan peristiwa yang benar-benar berlaku agar terus diingati pada masa akan datang. Menerusi syair jugalah, para pengarang dapat menyalurkan perspektif rasionalnya terhadap sesuatu peristiwa iaitu mengenai aktiviti-aktiviti yang dilakukan dalam masyarakat, peristiwa atau gelaja akibat anasir alam, peristiwa sehari-hari dan sebagainya. Oleh kerana inilah, maka bentuk syair menjadi pilihan para pengarang terutama dalam merakamkan sesuatu 'peristiwa semasa' sekitar abad ke-19 Masihi.

Apatah lagi disulami dengan dendangan bahasa dan lengkok irama yang indah, kandungan kisahnya lebih menimbulkan kesan psikologi dan menyentuh hati khalayak setiap kali didendangkan kepada mereka (Matheson, 1987; Muhammad Yusoff Hashim, 1988; Braginsky, 1993; Braginsky, 2004; Siti Hawa Hj. Salleh, 2009). Realitinya, syair-syair sejarah ini jauh menyimpang daripada teknik pensejarahan biasa seperti dalam bentuk prosa apabila tidak banyak unsur-unsur mitologis ataupun pengaruh magis dan sakral Melayu ditemui (Muhammad Yusoff Hashim, 1988: 46).

Bertitik-tolak daripada ini, maka bentuk syair dipilih sebagai bahan kajian terutama dalam menghubungkannya dengan realiti kehidupan masyarakat yang melatarinya. Justeru, syair sejarah terutamanya digolongkan kepada tema-tema tertentu oleh beberapa sarjana. Hooykaas (1965) memperkuatkan pernyataan ini dengan berpendapat syair sejarah adalah genre yang kurang penggunaan unsur mitos dan magis di dalamnya. Beliau membahagikan syair sejarah kepada dua kategori iaitu syair mengenai istana, raja, keluarga dan kerajaannya serta syair mengenai peristiwa tertentu dalam jangka masa yang pendek. Seterusnya, klasifikasi syair berdasarkan realiti Hooykaas (1965) ini dirincikan pula oleh Matheson (1987: 173-174) iaitu, syair berdasarkan peristiwa sejarah, syair memperingati topik (*topical*) yang tertentu dan syair peperangan. Manakala, Muhammad Yusoff Hashim (1988) hanya menambah penggolongan syair kepada dua kategori tambahan dan menuruti kategori yang telah disediakan oleh Hooykaas (1965). Beliau (Muhammad Yusoff Hashim, 1988: 47-51) membahagikan syair-syair yang fokus utamanya peristiwa realiti atau benar-benar berlaku iaitu syair mengenai istana, raja, keluarga dan negara kotanya, syair mengenai peristiwa khusus yang berlaku dalam masa yang singkat dan syair nasihat dan peristiwa Perlembagaan Negeri Brunei. Berdasarkan penggolongan syair

berteraskan ‘realiti’ yang asasnya adalah karya sastera sejarah atau historiografi Melayu di atas, didapati teras pembahagian adalah berdasarkan kepada Hooykaas (1965). Ini diperlihatkan oleh Muhammad Yusoff Hashim (1988) yang hanya menambah kajian Hooykaas manakala Zubir Idris (2013) sekadar menyetujui klasifikasi syair ‘realiti’ yang telah disediakan oleh para sarjana terdahulu. Braginsky (1991: 141) pula memulakan klasifikasinya dengan perkembangan evolusi syair sejak dari zaman Hamzah Fansuri pada abad ke-16 sehingga ke zaman kegemilangan penghasilannya iaitu pada abad ke-19 Masihi iaitu syair-syair oleh Hamzah Fansuri dan penyair sezamannya (tahun 1550 hingga 1650) dan syair-syair selepas Hamzah Fansuri seperti *Syair Perang Mengkasar* (1670) sehingga awal abad ke-20. Kajian evolusi syair oleh Braginsky (1991) ini telah memasukkan semua syair pelbagai tema sama ada berada di bawah tema romantik, sejarah dan alegori. Namun pada tahun 2004 berteraskan konsep ‘kesedaran diri sastera’, beliau telah mengklasifikasi syair sejarah yang menekankan unsur realiti dalam kandungannya di bawah Sfera Faedah iaitu syair mengenai perperangan, syair mengenai peristiwa berhubung raja, bangsawan dan pemerintah, syair mengenai topik (*topical*) tertentu dan syair mengenai perperangan dan salasilah diraja.

Meneliti klasifikasi syair sejarah yang dinyatakan oleh Hooykaas (1965), Matheson (1987), Muhammad Yusoff Hashim (1988) dan Braginsky (2004) terhadap pengklasifikasian tema syair sejarah, didapati keempat-empat orang sarjana ini masing-masing menonjolkan penggolongan tema yang lebih kurang sama (lihat Jadual 3.1). Namun jika diteliti terdapat beberapa perkara yang wajar diambil perhatian seperti:

#### **4.1 Klasifikasi yang bertindihan**

Misalnya, Hooykaas (1965) dan Braginsky (2004) memasukkan semua syair bertemakan perang bersama dengan syair bencana alam dan musibah. Perkara yang sama dilakukan oleh Matheson (1987) apabila beliau menyempitkan kelompok tema ‘peristiwa sejarah’ kepada satu tema yang berfokus kepada raja (*raja-centered*) sahaja. Beliau tidak menyedari hakikatnya bahawa semua syair yang terdapat dalam genre ini berunsur sejarah. Muhammad Yusoff Hashim (1988) pula memasukkan semua syair perang, syair berhubung tokoh tertentu sama ada raja, pemerintah kolonial atau rakyat (saudagar Cina) dalam kelompok ‘syair kisah peribadi seorang tokoh’.

#### **4.2 Kekeliruan terhadap istilah ‘topik tertentu’ (*topical*)**

Kebanyakan para sarjana memasukkan semua peristiwa jangka masa pendek dalam kelompok ‘topik tertentu’. Misalnya Matheson (1987) dan Muhammad Yusoff Hashim (1988) mengelompokkan semua syair mengenai musibah, pengembalaan raja atau pegawai kolonial malah syair mengenai adat dan perundangan di bawah kelompok ‘topik tertentu’. Kekeliruan berlaku sama ada ‘topik tertentu’ merujuk kepada ‘peristiwa semasa’, ‘peristiwa jangka pendek’ atau ‘peristiwa yang menarik perhatian’.

#### **4.3 Fokus utama kepengarangan masih ‘*raja-centered*’**

Raja tetap dipandang individu yang wajar mendapat layanan istimewa. Sehubungan itu berdasarkan Jadual 3.1 didapati semua ciri klasifikasi syair sastera sejarah masih lagi berpusat penuh kepada raja sebagai penaung penulisan. Apatah lagi Muhammad Yusoff Hashim (1988) meletakkan syair yang dikarang oleh Sultan Brunei iaitu Sultan Omar Saifuddin dalam kelompok yang terasing daripada disatukan dengan tema yang

lain walau terdapat kelompok syair mengenai istana, raja, bangsawan dan kerajaan. Manakala Braginsky (2004) pula menerbitkan satu pengolongan khusus buat syair perang berserta salasilah raja. Ini mengesahkan bahawa fokus utama kepengarangan syair sejarah yang diklasifikasi oleh para sarjana ini masih lagi majoriti bercirikan '*raja-centered*' iaitu raja sebagai pusat utama kepengarangan. Secara tidak langsung membayangkan bahawa pengaruh raja amat kuat dalam syair-syair sejarah bersesuaian dengan kedudukan genre ini sebagai warisan tradisi tulisan dan istana seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Klasifikasi Syair oleh Sarjana dan Fokus Utama Kepengarangan

BIL.	SARJANA	FOKUS UTAMA		
		Raja	Pemerintah/ Kolonial	Rakyat
1.	C. Hooykaas (1977)			
	i) Istana, bangsawan, kerajaan	█		
2.	V.M.Hooker (1987)	█		█
	i) Peristiwa sejarah	█		
	ii) Topik yang tertentu	█	█	█
3.	iii) Peperangan	█		
	Muhammad Yusoff Hashim (1988)			
	i) Istana, bangsawan, kerajaan	█		
	ii) Topik tertentu	█	█	
4.	iii) Kisah peribadi tokoh	█	█	
	iv) Nasihat dan peristiwa perlembagaan Brunei	█		
	V.I.Braginsky (2004)	█		
	i) Peperangan	█		
	ii) Istana, bangsawan, pemerintah	█	█	
	iii) Topik tertentu	█		█
	iv) Peperangan dan salasilah	█		

Berteraskan kepada 'kesedaran diri sastera' yang hakikatnya telah mencairkan keterikatan pengarang dengan autoriti raja sebagai penaung kerja kepengarangan, serta berteraskan kepada fungsi, tujuan penghasilan karya dan motivasi penyebaran


ilmu sebagaimana yang ditekankan dalam Islam (Braginsky, 1993; 2004), maka beberapa rumusan diperolehi yang akan membantu pembentukan klasifikasi syair berasaskan realiti kehidupan masyarakat dalam kajian ini iaitu:

1. Tema peperangan perlu diasingkan tanpa disatukan dengan tema yang lain kerana kedudukan peristiwa ini sangat penting bagi sesebuah negarakota kerana membabitkan maruah dan harga diri raja dan seluruh rakyatnya.
2. Pembahagian klasifikasi syair perlu lebih adil dengan mengambilkira pemerian rakyat jelata dan bukan tertakluk kepada situasi atau peristiwa berhubung raja, keluarga dan pemerintahannya sahaja.
3. Pembahagian klasifikasi syair mengenai ‘kisah peribadi tokoh’ perlu mengambilkira pelbagai lapisan masyarakat (bukan monopoli raja sahaja) dan meliputi pelbagai isu misalnya pengalaman pengembaraan tokoh serta beberapa yang lain.
4. Peristiwa yang memerihalkan raja, keluarga dan istana bukan sekadar menyatakan kisah yang boleh mengangkat *status quo* golongan ini sahaja tetapi termasuk cerita di sebalik tabir (perspektif negatif istana) yang selalunya dihilangkan daripada rakaman ‘sejarah’.
5. Peristiwa berhubung hal-hal semasa yang berlaku terutama peristiwa bencana alam, kemalangan dan beberapa musibah lain perlu diketengahkan secara berasingan dan tidak bercampur dengan peristiwa yang mengaitkan raja dan kerajaannya sahaja.
6. Pengasingan tema perlu dilakukan dengan jelas. Sekiranya syair perang boleh berdiri sendiri sebagai satu tema penting maka tema-tema syair lain juga boleh diketengahkan tanpa digabungkan dengan tema tertentu. Ini adalah kerana

masing-masing mempunyai sumbangan tersendiri kepada kesarjanaan ilmu Alam Melayu.

7. Peristiwa ‘semasa’ (*topical*) yang menarik perhatian pengarang terutama berkait kehidupan ekonomi, politik dan sosial masyarakat perlu diketengahkan sewajarnya agar dapat menjadi panduan serta pengajaran kepada masyarakat.

Sehubungan itu, hasil kajian mendapati lebih kurang lima puluh dua (52) syair yang melaporkan peristiwa ‘realiti’ seperti Rajah 2 di bawah:




Rajah 2: Syair-syair Realiti yang berpijak di bumi nyata (1600 hingga 1900)

Klasifikasi syair-syair di atas adalah berdasarkan ciri-ciri yang telah dikenalpasti iaitu:

- (i) Syair perlu mengaitkan isu sosio-ekonomi, sosio-politik dan sosial.
- (ii) Syair perlu memfokuskan kepada pelbagai lapisan masyarakat iaitu raja, pemerintah dan rakyat dan bukan lagi '*raja oriented*'.
- (iii) Syair perlu menepati Sfera Faedah V.I. Braginsky iaitu memberi manfaat kepada khalayaknya menggunakan persepsi akal.
- (iv) Syair tersebut perlu telus paparkan peristiwa 'sebobrok' mungkin jika temanya melibatkan peperangan, kemalangan dan bencana alam.

Sehubungan itu, klasifikasi syair sejarah berasaskan realiti kehidupan masyarakat perlulah menepati kriteria-kriteria di atas agar satu klasifikasi yang telus dapat diperolehi dengan memanfaatkan peristiwa atau pengalaman yang dialami oleh raja, pemerintah atau kolonial dan rakyat. Rajah 3 memaparkan rumusan ciri-ciri klasifikasi syair sejarah yang melibatkan semua golongan masyarakat dengan pembahagian tema yang lebih jelas dan telus. Sesungguhnya, 'kesedaran diri sastera' telah berjaya melonggarkan ikatan '*raja centered*' dalam syair-syair sehingga individu 'bukan raja' turut dijadikan fokus utama syair. Penggunaan bahasa yang indah digabung dengan emosi pengarang yang telus dalam menggambarkan 'kebobrokan' masyarakat akibat fenomena alam dan beberapa peristiwa yang dialami menjadikan seolah-olah bentuk syair menepati acuan 'moden' dalam kesusastraan Melayu yang dibawa oleh Barat pada abad ke-19 Masihi.



Rajah 3: Klasifikasi Syair Sejarah berdasarkan Realiti Kehidupan Masyarakat

## 5.0 KESIMPULAN

Penyelidikan ini dapat memberi satu perspektif baharu terhadap syair berteraskan kepada realiti. Realiti yang didukungi oleh masyarakat Melayu tradisional dalam kepengarangan, hakikatnya bersandarkan kepada konsep ‘kesedaran diri sastera’ (*literary self-awareness*). Konsep ini berjaya membentuk klasifikasi realiti dalam genre syair secara telus dengan melibatkan semua golongan masyarakat sekaligus

melonggarkan ikatan ‘*raja centered*’ yang sering menjadi fokus dalam karya-karya Kesusastraan Melayu Tradisional. Dengan tercapainya kedua-dua objektif ini iaitu menjelaskan perspektif ‘realiti’ dalam kepenggarangan masyarakat Melayu tradisional dan merumuskan klasifikasi syair yang berteraskan realiti menurut para sarjana, secara tidak langsung merelevangkan kajian ini. Rumusannya, genre syair merupakan bukti keintelektualan Melayu yang tegar, ampuh dan mapan sehingga sentiasa dikaji secara saintifik dan komprehensif sehingga ke hari ini.

## Rujukan

- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1993). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Bloch, E, Lukacs, G, Brecht, B, Benjamin, W dan Adorno, T. (1977). *Aesthetics and Politics*. London: New Left Books.
- Bottoms, J.C. (1962). “Malay Historical Works”. Dlm. K.G.Tregonning (Ed.). *Malaysian Historical Sources*, Singapore: Department of History, University of Singapore.
- Braginsky, V.I. (1991). Evolution of the Verse-Structure of the Malay Syair, *Archipel*, 42: 133-154.
- Braginsky, V.I. (1993). *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV Press.
- Braginsky, V.I. (2004). *The Heritage of Traditional Malay Literature: A Historical Survey of Genres, Writings and Literary Views*. Leiden: KITLV Press.
- Crawfurd, J. (1820). *History of the Indian Archipelago. Containing an Account of the Manners, Arts, Languages, Religions, Institutions, and Commerce of its Inhabitants*. Edinburgh: Archibald Constable and Co.

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud, "Klasifikasi Realiti Dalam Syair Menurut Masyarakat Melayu Tradisional" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 206 – 229

Hooykaas, C. (1965). *Perintis Sastera*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Ismail Hussein (1974). *The Study of Traditional Malay Literature with a Selected Bibliography*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jelani Harun.(2015). Syair Tawarikh Zainal Abidin Yang Ketiga Sebuah Karya Agung Terengganu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 3(2): 3-15.

Johns. A.H. (1979). The Turning Image: Myth and Reality in Malay Perceptions of the Past. Dlm. A. Reid and D. Marr (Eds.). *Perceptions of the Past in Southeast Asia*, hal. 43-67. Singapore: Heinemann Educational Books (Asia).

Josselin de Jong, P.E. (1964). The Character of the Malay Annals. Dlm. Bastin, J. S., Winstedt, R.O. dan Roolvink, R. (eds.). *Malayan and Indonesian Studies*. Oxford: Clarendon Press.

Kratz, E.U. (1981). The Editing of Malay Manuscripts and Textual Criticism. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 137: 229-243.

Matheson, V. dan Andaya, B.W. (1982). The Precious Gift (Tuhfat al-Nafis). Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Matheson, V. (1987). Kemantapan Syair sebagai Satu Genre dalam Kesusasteraan Melayu dengan Catatan Khusus mengenai Syair Peperangan Pangeran Syarif Hasyim (Penyengat 1870). Dlm. Siti Hawa Hj.Salleh. (Ed.). *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*, hal. 123-177. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Maxwell, W.E. (1878). Notes on the Two Perak Manuscripts. *Journal of Strait Branch of Royal Asiatic Society*, 2: 183-193.

Mohd. Taib Osman. (1968). Mythic Elements in Malay Historiography. *Tenggara*, 2 (ii): 80-89.

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud, "Klasifikasi Realiti Dalam Syair Menurut Masyarakat Melayu Tradisional" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 206 – 229

Muhammad Yusoff Hashim. (1988). *Pensejarahan Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.

Nor Suhada Roslan dan Shaiful Bahri Md.Radzi. (2017). Wanita Tiga Serangkai dalam Syair Abdul Muluk melalui Kritis Feminis Showalter. *Jurnal Melayu*, 16 (2): 191-216.

Putten, J. Van Der. (2014). *Syair Lebai Guntur*: Pendidikan Seks yang Bergema Cabul. Dlm. Ding Choo Ming, Henri Chambert-Loir dan Titik Pudjiastuti (Eds.). *Kearifan Lokal yang Terkandung dalam Manuskip Lam*, hal. 77-91. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ras, J.J. (1968). *Hikajat Bandjar. A Study in Malay Historiography*. The Hague: Martinus Nijhoff.

Resink, G.J. (1968). *Indonesia's History between the Myths: Essays in Legal History and Historical Theory*. The Hague: W. van Hoeve Publishers Ltd.

Roolvink, R. (1954). Hikayat Radja-radja Pasai. *Bahasa dan Budaja*, 2 (3): 3-17.

Siti Hawa Hj. Salleh. (2009). *Kelopak Pemikiran Sastera Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sweeney, A. (1980). *Reputations Live On, An Early Malay Autobiography*, Berkeley: University of California Press.

Sweeney, A. (1983). The Literary Study of Malay-Indonesian Literature: Some Observations. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, 56 (1):33-46.

Sweeney, A. (1987). *A Full Hearing, Orality and Literacy in the Malay World*. Berkeley: University of California Press.

Rahimah Hamdan & Arba'ie Sujud, "Klasifikasi Realiti Dalam Syair Menurut Masyarakat Melayu Tradisional" JMS Vol. 4 Issue 1 (2021): 206 – 229

- Teeuw, A. E. dan Wyatt, D.K. (1970). *Hikayat Patani: The Story of Patani*. Leiden: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde.
- The Oxford English Dictionary*. (1989). New York: Oxford University Press.
- Watson, C.W. (1978). Depati Parbo: A Case Study in Indigenous History. *Archipel*, 15 (128): 123-143.
- Wieringa, E.P. dan Pudjiastuti, T. (2020). The Sair Kin Tambuhan. A Banjarese Versified Version of A Well-Known Panji Story. *Wacana*, 21 (2): 285-302.
- Wilkinson, R.J. (1907). *Papers on Malay Subjects: Malay Literature, Part 1: Romance, History, Poetry*. Kuala Lumpur: The Federated Malay States Government Press.
- Winstedt, R.O. (1940). A History of Malay Literature, with a Chapter on Modern Developments by Zainal Abidin bin Ahmad. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 17 (3): 1-243.
- Yacobi, B. G. (2013). The Human Dilemma Life between Illusion and Reality. *Journal of Philosophy of Life*, 3(3): 202-211.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2018). Bahasa dalam Realiti Kehidupan dan Realiti Kehidupan dalam Bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 34 (2): 338-353.
- Zubir Idris (2013). *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu-Belanda*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.